



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**EXAMINATION
FOR
THE CERTIFICATE IN LEGAL PRACTICE
2024 SUPPLEMENTARY EXAMINATION**

CIVIL PROCEDURE

Monday, 11 November 2024

Reading Time : 9.00 a.m. - 9.20 a.m.

Answering Time : 9.20 a.m. - 12.20 p.m.

-
- * THIS PAPER CONSISTS OF TWO (2) PARTS, 'A' AND 'B'.**
 - * YOU ARE REQUIRED TO ANSWER QUESTION 1 (ONE) IN PART 'A' WHICH IS COMPULSORY.**
 - * YOU ARE ALSO REQUIRED TO ANSWER THREE (3) QUESTIONS OUT OF SIX (6) QUESTIONS IN PART 'B'.**
 - * GIVE REASONS FOR YOUR ANSWERS.**
 - * RELEVANT CASES AND STATUTORY PROVISIONS MUST BE CITED IN ALL ANSWERS.**
-

REMINDER:

Pursuant to the announcement issued by the Legal Profession Qualifying Board Malaysia dated 14 June 2000 on the use of the national language in the Examination for the Certificate in Legal Practice, this examination paper is set in the English and national language. Candidates may answer questions **either** in the English or national language.

(This question paper has 7 questions printed on 12 pages)

PART A: COMPULSORY QUESTION**1. Candidates MUST answer this question**

Densa Sdn. Bhd. (“Densa”) is the owner and manufacturer of a well-known automated machine (“Machine”) for car washing, and it has a registered office in Kajang, Selangor.

Densa has entered into a distributorship agreement with Mat, Chan and Indran as partners of Ma & Co. for marketing, selling and distributing the Machine throughout Malaysia and Indonesia (“the Distributorship Agreement”). The firm, Ma & Co., has a trading address at Taman Melaka Raya, Malacca (“the Firm”).

The terms of the Distributorship Agreement, among others, are as follows:

- (a) The distributorship is for a five-year term commencing from 1 September 2023 with an option of renewal for a further five-year term, and that the distributorship is not exclusive;
- (b) The Firm is to pay to Densa a monthly fee of RM100,000.00, payable by the 7th day of each month for the right to own the distributorship (“the Distributorship Fee”);
- (c) Densa is to provide and allow the Firm to use one of the buildings owned by them in Kuala Lumpur as the showroom for the display of the Machine (“Densa’s Showroom”);
- (d) The Firm is entitled to suspend the payment of the Distributorship Fee if there is a dispute regarding the usage of the Machine and parties are to amicably resolve the dispute.

In January 2024, Chan, the Managing Partner of the Firm, gave written notice to Densa that its largest customer, IClean Limited, complained about the usage of the

Machine caused by a malfunction of one of its parts. The Firm stopped making payments of the Distributorship Fee since February 2024.

In April 2024, Densa demanded the payment of the Distributorship Fee in arrears.

Chan disputed Densa's demand on the basis that the Firm is entitled to suspend payment of the Distributorship Fee because there is a dispute on the usage of the Machine. Chan also claimed that sales of the Machine were substantially affected due to IClean Limited's complaint.

By a letter dated 6 August 2024, Densa terminated the Distributorship Agreement because the Firm failed to pay the Distributorship Fee in arrears and gave notice to the Firm to quit Densa's Showroom. Chan replied by a letter the next day claiming that the termination was unlawful.

Answer the following questions:

(a) **Densa Sdn. Bhd. intends to commence a legal action to recover the outstanding Distributorship Fee and to take possession of its showroom. Densa Sdn. Bhd. wants to know:**

(i) **the appropriate party to be named as the party to be sued;**

(6 marks)

(ii) **the mode of commencement of the intended proceedings, and in which court and where to file the legal action?**

(7 marks)

State the relevant procedures and the legal principles in support of your answer.

- (b) Having been served with the legal action filed by Densa Sdn. Bhd. pursuant to paragraph (a) above, the Firm wants to specifically enforce the Distributorship Agreement and claim damages against Densa Sdn. Bhd. for loss of profit in excess of millions of ringgits due to the complaint about the usage of the Machine.

Prepare a note on the Firm's intended course of action against Densa Sdn. Bhd. with specific reference to the monetary jurisdiction of the Court by reference to the relevant procedures and the applicable legal principles.

(12 marks)

PART B: ANSWER ANY THREE (3) QUESTIONS

2. Answer ALL parts of this question which are separate and independent

- (a) Raja was treated in a hospital for a medical ailment by Dr. Wong and Dr. Ismail. Raja claimed that due to the negligence of both doctors, his condition worsened, and he filed a writ action against them jointly and severally for negligence. After the pleadings were closed, Raja informed Dr. Wong and Dr. Ismail that he would accept RM500,000.00 as damages from them which is much lower than his original claim. Dr. Ismail is prepared to offer RM250,000.00 being 50% of the offer. Dr. Wong has refused to offer any settlement to Raja. Dr. Ismail is unhappy with the stand taken by Dr. Wong which he considers to be unreasonable and would lead to excessive legal costs being incurred if the case proceeded to full trial.

Advise Dr. Ismail on the procedure he should adopt that will require Dr. Wong to pay his (Dr. Ismail's) costs and also indemnify him (Dr. Ismail) for the costs he (Dr. Ismail) is liable to pay Raja in the event

the court assesses the damages due to Raja at below RM500,000.00 at the trial.

(8 marks)

- (b) Supreme Limited, a well-known multinational company incorporated in the United Kingdom, filed a writ action in January 2024 against PQR Sdn. Bhd. in the Kuala Lumpur High Court in a claim for dishonour of cheques. Supreme Limited had supplied electronic equipment to PQR Sdn. Bhd. which issued post-dated cheques to Supreme Limited in purported payment and all the cheques were dishonoured upon presentation for the reason of “insufficient funds”.

Pleadings were closed in March 2024 and after compliance with case management directions in May 2024, the trial is fixed in December 2024.

A few days ago, PQR Sdn. Bhd. filed an application in court supported by an affidavit praying for an order for security for costs of RM100,000.00 against Supreme Limited on the grounds that it is a foreign Plaintiff and would likely be unable to pay the costs of PQR Sdn. Bhd. if ordered to do so.

Advise Supreme Limited whether, on the facts, it will be ordered to provide security for costs by reference to the principles which the Court will consider.

(9 marks)

- (c) ABC Sdn. Bhd. obtained a final judgment in court against Chan. Chan has refused to settle the judgment sum and has informed ABC Sdn. Bhd. that he does not have the means to settle the judgment sum. ABC Sdn. Bhd. has reason to believe that Chan is able to settle the judgment sum and may have some assets. ABC Sdn. Bhd. wants to summon Chan to court for an oral

examination to ascertain his assets and for an order that he settles the judgment sum.

Advise ABC Sdn. Bhd. on the procedure it should adopt to compel Chan to appear in court and the consequences that may ensue if Chan fails to settle the judgment sum after being ordered to do so.

(8 marks)

3. Answer ALL parts of this question which are separate and independent

- (a) Paul rented his shophouse in Shah Alam to WXY Sdn. Bhd. for a monthly rental of RM5000.00. WXY Sdn. Bhd. has since August 2024 defaulted on the payment of the monthly rental. Paul filed a writ action in court against WXY Sdn. Bhd. for vacant possession and arrears of rental and served the writ on the company. WXY Sdn. Bhd. has failed to enter an appearance although the period to file the same has lapsed.

Advise Paul on the following:

- (i) **The procedure to enter a default judgment against WXY Sdn. Bhd.**

(4 marks)

- (ii) **The procedure to evict WXY Sdn. Bhd. from the shophouse in the event the company remains on the premises after judgment is entered.**

(4 marks)

- (b) A deceased man's widow filed a writ action in the High Court against the executors of the Will of the deceased man, alleging that the deceased was suffering from a disorder of the mind at the time the Will was executed, and hence, the Will is invalid. The executors have verbally requested further

details of the alleged disorder of the mind of the deceased from the widow but the information has not been forthcoming.

Advise the executors on the procedural steps that they should take to avoid being taken by surprise at the trial due to the lack of details with respect to the state of mind of the deceased and the principles by which the court is guided in an application of this nature.

(9 marks)

- (c) A Plaintiff filed an originating summons against a Defendant. Upon being served with the originating summons, the Defendant has made an objection to the proceedings on the grounds that Malaysia is not the proper forum for the dispute. The Defendant has also made a further objection on the grounds that there are serious disputes of facts with respect to the cause of action.

Advise the Defendant on the procedure the Defendant should adopt in respect of the two (2) objections that the Defendant has raised.

(8 marks)

4. Answer ALL parts of this question which are separate and independent

- (a) In June 2024, Husin, who was riding his motorcycle, was injured when a car which was dangerously driven by Riduan collided with the back of the motorcycle. Husin is now totally paralyzed and is classified as a person under a disability. Husin's father, Ismail, has filed a legal action against Riduan as litigation representative for Husin and the trial has been scheduled for September 2025. Ismail does not have the financial means to look after Husin who requires lifelong nursing care and supervision.

Advise Ismail if he can resort to a procedure to obtain payment from Riduan while the case is still pending with reference to the procedure and the legal principles involved.

(10 marks)

- (b) OC Sdn. Bhd. commenced a writ action against EU Sdn. Bhd. claiming breach of contract for failure to supply the machinery as contracted.

OC Sdn. Bhd. applied and obtained, by way of *ex-parte* and upon the undertaking as to damages, an injunction order to restrain EU Sdn. Bhd. from dealing with or disposing of the machinery contrary to the terms of the contract. The High Court Judge fixed the *inter-partes* injunction application within 14 days from the date the *ex-parte* injunction order was obtained. Due to the injunction order, EU Sdn. Bhd. has suffered loss of contracts with its customers in the sum of RM10,000,000.00. EU Sdn. Bhd. filed an application to set aside the *ex-parte* injunction order.

The High Court Judge heard both the *inter-partes* injunction application and the application for setting aside the *ex-parte* injunction order together. The High Court Judge allowed the application to set aside the *ex-parte* injunction order and dismissed the *inter-partes* injunction application. The High Court Judge, however, refused to grant the order of assessment for the loss suffered by EU Sdn. Bhd. due to the *ex-parte* injunction order.

Advise EU Sdn. Bhd. on the correctness of the decision when the High Court Judge refused to grant the order of assessment.

(15 marks)

5. Answer ALL parts of this question which are separate and independent

- (a) Philip filed a writ action against Desmond in the High Court claiming a liquidated sum of RM1 million. Immediately upon being served with the writ, Desmond handed it to his driver with strict instructions to deliver it to his solicitors so that an appearance could be entered. However, the driver misplaced the writ and failed to inform Desmond that it was missing. In the meantime, Desmond paid a sum of RM250,000.00 via an online banking transaction into Philip's bank account. After the time to enter an appearance had lapsed, Philip entered a default judgment against Desmond for the sum

of RM1 million. The default judgment was posted on 1 October 2024 by AR registered mail to Desmond which was received by Desmond on 10 October 2024. On 1 November 2024, Desmond sought your advice on how to set aside the default judgment.

Advise Desmond on the procedure for setting aside the default judgment and whether he is likely to succeed in his application.

(9 marks)

- (b) A Plaintiff commenced an originating summons action against a Defendant. In his supporting affidavit, the Plaintiff included hearsay facts and the affidavit did not contain a jurat. Further, the affidavit, having been affirmed outside Malaysia, was in the English language without a translation in the national language.

Advise the Defendant if he has grounds to object to the admissibility of the affidavit.

(8 marks)

- (c) A developer commenced an action by way of originating summons seeking an order for possession against occupants whom the developer considered to be squatters on the land which it had purchased.

In its supporting affidavit, the developer failed to disclose that a temple on the land was erected with the licence and consent of the previous owner of the land. The President of the temple committee is also named as a Defendant in the originating summons. Further, an occupant of the land, namely Osman, is not named as a Defendant in the proceedings but he wants to be excluded from the order for possession which may be made against him. Osman claims that he is a lawful tenant on the property.

Advise the President of the temple committee and Osman on the procedure they should adopt to oppose and defeat the developer's claim for an order for possession against them.

(8 marks)

6. Answer ALL parts of this question which are separate and independent

- (a) A Plaintiff commenced a civil suit against the Defendant arising out of a dispute in respect of a building contract. Pleadings were closed and after case management directions were complied with, the parties waited for the trial dates to be fixed. The Defendant has, in the meantime, taken the view that the dispute can be resolved by the court's determination of a clause in the building contract. Hence, in his view, a full trial with witnesses is not required.

Based on the above facts, advise the Defendant of the procedure that should be adopted to dispose of the case promptly.

(7 marks)

- (b) On 3 May 2024, Pawan filed a writ action against Dollah. The AR registered letter enclosing the writ to Dollah was returned undelivered by the Post Office. Pawan thereafter employed the services of a process server to locate Dollah to enable personal service to be effected on him. On 25 October 2024, the process server informed Pawan that Dollah had shifted from his residential address and his present address is unknown. The court has, in the meantime, fixed 11 November 2024 as the case management date and has directed that Pawan should serve the writ on Dollah as soon as possible.

Advise Pawan on the procedures he should adopt to ensure valid and effective service of the writ on Dollah as a matter of urgency.

(10 marks)

- (c) Toh was the driver of a lorry which collided with a car driven by Kumar. Kumar was injured by reason of the accident and required hospitalization. Toh passed away from an illness a week after the accident. At all material times, Toh's lorry was covered by third-party insurance. No grant of probate or letter of administration has been issued with respect to the estate of Toh.

Kumar wants to file legal proceedings against the estate of Toh arising from his injuries due to the accident. Advise Kumar on the procedure that he should adopt.

(8 marks)

7. Answer ALL parts of this question which are separate and independent

- (a) Jack commenced a legal action against LP Sdn. Bhd. for negligence. In the statement of claim, Jack only alleged that sometime around February 2024, he was hit by an object in a shopping mall managed by LP Sdn. Bhd. and that he has suffered back injuries. Jack has particularized his injuries and claimed damages.

LP Sdn. Bhd. now comes to you for advice.

- (i) **You are instructed that LP Sdn. Bhd. owns two (2) shopping malls in different states. In order to prepare the defence, what are the steps LP Sdn. Bhd. can take under the Rules of Court 2012 to ascertain the facts of the alleged negligence?**

(6 marks)

- (ii) LP Sdn. Bhd. informed you that it had previously received a report from Mega Shopping Mall that one of the customers was hit by an object which was part of the Mall's decoration. The customer is Jack. You are instructed that the decoration displayed in the Mall has been outsourced to Goldstyle Sdn. Bhd. Hence, Jack ought to have sued Goldstyle Sdn. Bhd. instead.

Given these facts, what is your advice to LP Sdn. Bhd. by reference to the available procedures provided in the Rules of Court 2012?

(15 marks)

- (b) “The Court would allow a party to rely on evidence about facts which have not been pleaded.”

Discuss if this statement is correct by reference to decided cases.

(4 marks)

oOOo



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**PEPERIKSAAN
BAGI
SIJIL AMALAN GUAMAN
PEPERIKSAAN TAMBAHAN 2024**

PROSEDUR SIVIL

Isnin, 11 November 2024

Masa Membaca : 9.00 pagi - 9.20 pagi

Masa Menjawab : 9.20 pagi - 12.20 tengah hari

-
- *KERTAS INI MENGANDUNGI DUA (2) BAHAGIAN, 'A' DAN 'B'.**
 - *ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN 1 (SATU) DALAM BAHAGIAN 'A' YANG WAJIB.**
 - *ANDA JUGA DIKEHENDAKI MENJAWAB TIGA (3) SOALAN DARIPADA ENAM (6) SOALAN DALAM BAHAGIAN 'B'.**
 - *BERIKAN ALASAN BAGI JAWAPAN ANDA.**
 - *KES DAN PERUNTUKAN STATUTORI YANG RELEVAN MESTILAH DISEBUTKAN DALAM SEMUA JAWAPAN.**
-

PERINGATAN:

Menurut pengumuman yang dikeluarkan oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia bertarikh 14 Jun 2000 mengenai penggunaan bahasa kebangsaan dalam Peperiksaan Sijil Amalan Guaman, kertas peperiksaan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa kebangsaan. Calon-calon boleh menjawab soalan-soalan **sama ada** dalam bahasa Inggeris atau bahasa kebangsaan.

(Kertas soalan ini mengandungi 7 soalan yang dicetak pada 14 muka surat)

BAHAGIAN A: SOALAN WAJIB**1. Calon MESTI menjawab soalan ini**

Densa Sdn. Bhd. (“Densa”) merupakan pemilik dan pengilang mesin berautomat (“Mesin”) yang terkenal untuk mencuci kereta, dan ia mempunyai sebuah pejabat berdaftar di Kajang, Selangor.

Densa telah membuat suatu perjanjian pengedaran dengan Mat, Chan dan Indran sebagai rakan kongsi Ma & Co. bagi pemasaran, penjualan dan pengedaran Mesin itu di seluruh Malaysia dan Indonesia (“Perjanjian Pengedaran”). Firma itu, Ma & Co., mempunyai alamat perdagangan di Taman Melaka Raya, Melaka (“Firma”).

Terma-terma Perjanjian Pengedaran itu, antara lain, adalah seperti yang berikut:

- (a) Pengedaran itu adalah bagi tempoh lima tahun yang bermula dari 1 September 2023 dengan pilihan bagi pembaharuan untuk tempoh lima tahun lagi, dan bahawa pengedaran itu tidak eksklusif;
- (b) Firma itu hendaklah membayar fi bulanan kepada Densa sebanyak RM100,000.00, yang kena dibayar pada hari ketujuh pada setiap bulan bagi hak untuk memiliki pengedaran itu (“Fi Pengedaran”);
- (c) Densa hendaklah menyediakan dan membenarkan Firma untuk menggunakan salah satu bangunan yang dimilikinya di Kuala Lumpur sebagai bilik pameran untuk mempamerkan Mesin itu (“Bilik Pameran Densa”);
- (d) Firma berhak untuk menggantung pembayaran Fi Pengedaran jika terdapat pertikaian berkenaan dengan penggunaan Mesin itu dan pihak-pihak hendaklah menyelesaikan pertikaian itu secara baik.

Pada bulan Januari 2024, Chan, Rakan Kongsi Urusan Firma itu, telah memberikan notis bertulis kepada Densa bahawa pelanggan terbesarnya, IClean Limited, telah mengadu mengenai penggunaan Mesin itu yang disebabkan oleh salah satu bahagiannya yang tidak berfungsi. Firma itu telah menghentikan pembayaran Fi Pengedaran sejak bulan Februari 2024.

Pada bulan April 2024, Densa telah menuntut pembayaran Fi Pengedaran yang tertunggak.

Chan telah mempertikaikan tuntutan Densa atas dasar bahawa Firma itu berhak untuk menggantung pembayaran Fi Pengedaran itu kerana terdapat pertikaian mengenai penggunaan Mesin itu. Chan juga telah mendakwa bahawa penjualan Mesin itu telah terjejas dengan teruk disebabkan oleh aduan IClean Limited.

Melalui suatu surat bertarikh 6 Ogos 2024, Densa telah menamatkan Perjanjian Pengedaran kerana Firma telah gagal membayar Fi Pengedaran yang tertunggak dan telah memberikan notis kepada Firma untuk meninggalkan Bilik Pameran Densa. Chan telah membalas melalui suatu surat keesokan harinya dengan mendakwa bahawa penamatan itu adalah tidak sah.

Jawab soalan-soalan yang berikut:

- (a) **Densa Sdn. Bhd. berniat untuk memulakan tindakan undang-undang untuk mendapatkan kembali Fi Pengedaran yang tertunggak dan untuk mengambil milikan bilik pamerannya. Densa Sdn. Bhd. ingin mengetahui:**
- (i) **pihak yang sepatutnya dinamakan sebagai pihak yang hendak diambil guaman terhadapnya;**

(6 markah)

- (ii) **cara permulaan prosiding yang diniatkan itu, dan di mahkamah yang manakah dan di manakah tindakan undang-undang itu hendak difailkan?**

(7 markah)

Nyatakan prosedur yang berkaitan dan prinsip undang-undang untuk menyokong jawapan anda.

- (b) Setelah disampaikan dengan tindakan undang-undang yang difailkan oleh Densa Sdn. Bhd. menurut perenggan (a) di atas, Firma mahu menguatkuasakan secara spesifik Perjanjian Pengedaran itu dan menuntut ganti rugi terhadap Densa Sdn. Bhd. bagi kehilangan keuntungan yang melebihi jutaan ringgit disebabkan oleh aduan mengenai penggunaan Mesin itu.

Sediakan suatu nota mengenai tindakan yang diniatkan oleh Firma terhadap Densa Sdn. Bhd. dengan rujukan spesifik kepada bidang kuasa kewangan Mahkamah dengan merujuk prosedur yang berkaitan dan prinsip undang-undang yang terpakai.

(12 markah)

BAHAGIAN B: JAWAB MANA-MANA TIGA (3) SOALAN

2. **Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain**

- (a) Raja telah dirawat di hospital bagi suatu penyakit oleh Dr. Wong dan Dr. Ismail. Raja mendakwa bahawa disebabkan oleh kecuaiannya kedua-dua doktor itu, keadaannya menjadi semakin teruk, dan dia telah memfailkan suatu writ tindakan terhadap mereka secara bersesama dan berasingan bagi kecuaiannya. Selepas pliding ditutup, Raja memaklumkan Dr. Wong dan

Dr. Ismail bahawa dia sanggup menerima RM500,000.00 sebagai ganti rugi daripada mereka yang jauh lebih rendah daripada tuntutan asalnya. Dr. Ismail bersedia untuk menawarkan RM250,000.00 iaitu 50% daripada tawaran itu. Dr. Wong telah enggan menawarkan apa-apa penyelesaian kepada Raja. Dr. Ismail berasa dukacita dengan pendirian yang diambil oleh Dr. Wong yang difikirkannya tidak munasabah dan akan menyebabkan kos undang-undang yang tinggi ditanggung jika kes itu diteruskan hingga ke perbicaraan penuh.

Berikan nasihat kepada Dr. Ismail mengenai prosedur yang patut diguna pakai olehnya yang akan menghendaki Dr. Wong untuk membayar kosnya (Dr. Ismail) dan juga menanggung rugi baginya (Dr. Ismail) bagi kos yang kena dibayar olehnya (Dr. Ismail) kepada Raja sekiranya mahkamah mentaksirkan ganti rugi yang kena dibayar kepada Raja di bawah RM500,000.00 semasa perbicaraan itu.

(8 markah)

- (b) Supreme Limited, suatu syarikat multinasional terkenal yang diperbadankan di United Kingdom, telah memfailkan writ tindakan pada bulan Januari 2024 terhadap PQR Sdn. Bhd. di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dalam suatu tuntutan bagi cek tidak laku. Supreme Limited telah membekalkan peralatan elektronik kepada PQR Sdn. Bhd. yang telah mengeluarkan cek tarikh hadapan kepada Supreme Limited yang berupa sebagai suatu pembayaran dan semua cek itu tidak laku apabila dikemukakan disebabkan oleh “dana tidak mencukupi”.

Pliding telah ditutup pada bulan Mac 2024 dan selepas mematuhi arahan pengurusan kes pada bulan Mei 2024, perbicaraan telah ditetapkan pada bulan Disember 2024.

Beberapa hari yang lalu, PQR Sdn. Bhd. telah memfailkan permohonan di mahkamah yang disokong dengan suatu affidavit yang memohon bagi suatu perintah bagi jaminan kos sebanyak RM100,000.00 terhadap Supreme Limited atas alasan bahawa ia merupakan Plaintiff asing dan berkemungkinan tidak dapat membayar kos PQR Sdn. Bhd. jika diarahkan untuk berbuat demikian.

Berikan nasihat kepada Supreme Limited sama ada, berdasarkan fakta, ia akan diperintahkan untuk memberikan jaminan kos dengan merujuk prinsip-prinsip yang akan dipertimbangkan oleh Mahkamah.

(9 markah)

- (c) ABC Sdn. Bhd. telah memperoleh suatu penghakiman muktamad di mahkamah terhadap Chan. Chan enggan menyelesaikan jumlah penghakiman itu dan telah memaklumkan ABC Sdn. Bhd. bahawa dia tidak mempunyai sumber pendapatan untuk menyelesaikan jumlah penghakiman itu. ABC Sdn. Bhd. mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Chan berupaya untuk menyelesaikan jumlah penghakiman itu dan mungkin mempunyai beberapa aset. ABC Sdn. Bhd. mahu menyaman Chan ke mahkamah untuk diperiksa secara lisan untuk menentukan asetnya dan bagi suatu perintah supaya dia menyelesaikan jumlah penghakiman itu.

Berikan nasihat kepada ABC Sdn. Bhd. mengenai prosedur yang patut diguna pakai olehnya untuk memaksa Chan hadir di mahkamah dan akibat yang akan timbul jika Chan gagal menyelesaikan jumlah penghakiman itu selepas diperintahkan untuk berbuat demikian.

(8 markah)

3. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain

- (a) Paul telah menyewakan rumah kedainya di Shah Alam kepada WXY Sdn. Bhd. dengan sewa bulanan sebanyak RM5000.00. WXY Sdn. Bhd. telah sejak bulan Ogos 2024 ingkar membayar sewa bulanan itu. Paul telah memfailkan suatu writ tindakan di mahkamah terhadap WXY Sdn. Bhd. bagi milikan kosong dan tunggakan sewa dan telah menyampaikan writ itu kepada syarikat itu. WXY Sdn. Bhd. telah gagal untuk memasukkan kehadiran walaupun tempoh untuk memfailkan kehadiran itu telah tamat.

Berikan nasihat kepada Paul mengenai perkara yang berikut:

- (i) **Prosedur untuk memasukkan suatu penghakiman ingkar terhadap WXY Sdn. Bhd.**

(4 markah)

- (ii) **Prosedur untuk mengusir WXY Sdn. Bhd. dari rumah kedai itu sekiranya syarikat itu kekal berada di premis itu selepas penghakiman dimasukkan.**

(4 markah)

- (b) Seorang balu si mati telah memfailkan suatu writ tindakan di Mahkamah Tinggi terhadap wasi-wasi bagi Wasiat si mati itu dengan mengatakan bahawa si mati telah mengalami gangguan fikiran pada masa Wasiat itu disempurnakan, dan oleh itu, Wasiat itu tidak sah. Wasi-wasi itu telah meminta secara lisan butiran lanjut mengenai gangguan fikiran si mati itu daripada balu itu tetapi maklumat itu telah tidak diberikan.

Berikan nasihat kepada wasi-wasi itu mengenai langkah-langkah prosedur yang sepatutnya diambil oleh mereka untuk mengelakkan kejutan semasa perbicaraan disebabkan oleh kekurangan butiran berkenaan dengan keadaan fikiran si mati dan prinsip-prinsip yang

dijadikan panduan oleh mahkamah dalam sesuatu permohonan yang bersifat sebegini.

(9 markah)

- (c) Seorang Plaintiff telah memfailkan suatu saman pemula terhadap Defendan. Apabila saman pemula itu disampaikan kepadanya, Defendan telah membuat bantahan terhadap prosiding itu atas alasan bahawa Malaysia bukanlah forum yang sepatutnya bagi pertikaian itu. Defendan juga telah membuat bantahan lanjut atas alasan bahawa terdapat pertikaian fakta yang serius berkenaan dengan kausa tindakan.

Berikan nasihat kepada Defendan mengenai prosedur yang patut diguna pakai oleh Defendan berkenaan dengan dua (2) bantahan yang telah dibangkitkan oleh Defendan.

(8 markah)

4. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain

- (a) Pada bulan Jun 2024, Husin, yang sedang menunggang motorsikalnya, telah tercedera apabila sebuah kereta yang dipandu secara berbahaya oleh Riduan telah berlanggar dengan bahagian belakang motorsikal itu. Husin kini telah lumpuh sepenuhnya dan diklasifikasikan sebagai orang kurang upaya. Bapa Husin, Ismail, telah memfailkan tindakan undang-undang terhadap Riduan sebagai wakil litigasi bagi Husin dan perbicaraan telah dijadualkan pada bulan September 2025. Ismail tidak mempunyai sumber kewangan untuk menjaga Husin yang memerlukan penjagaan dan penyeliaan kejururawatan sepanjang hayat.

Berikan nasihat kepada Ismail jika dia boleh mengambil prosedur untuk mendapatkan bayaran daripada Riduan semasa kes masih belum

selesai dengan merujuk prosedur dan prinsip undang-undang yang terlibat.

(10 markah)

- (b) OC Sdn. Bhd. telah memulakan writ tindakan terhadap EU Sdn. Bhd. yang mendakwa kemungkiran kontrak kerana kegagalan untuk membekalkan jentera sebagaimana yang dikontrakkan.

OC Sdn. Bhd. telah memohon dan memperoleh, secara *ex-parte* dan berdasarkan aku janji tentang ganti rugi, suatu perintah injunksi untuk menghalang EU Sdn. Bhd. daripada berurusan dengan atau melupuskan jentera itu yang bertentangan dengan terma-terma kontrak. Hakim Mahkamah Tinggi telah menetapkan permohonan injunksi *inter-partes* dalam masa 14 hari dari tarikh perintah injunksi *ex-parte* itu diperoleh. Disebabkan oleh perintah injunksi itu, EU Sdn. Bhd. telah mengalami kerugian kontrak dengan pelanggan-pelanggannya dalam wang berjumlah RM10,000,000.00. EU Sdn. Bhd. telah memfailkan suatu permohonan untuk mengetepikan perintah injunksi *ex-parte* itu.

Hakim Mahkamah Tinggi telah mendengar kedua-dua permohonan injunksi *inter-partes* dan permohonan untuk mengetepikan perintah injunksi *ex-parte* itu bersama-sama. Hakim Mahkamah Tinggi telah membenarkan permohonan untuk mengetepikan perintah injunksi *ex-parte* itu dan telah menolak permohonan injunksi *inter-partes* itu. Hakim Mahkamah Tinggi, walau bagaimanapun, enggan memberikan perintah taksiran bagi kerugian yang ditanggung oleh EU Sdn. Bhd. disebabkan oleh perintah injunksi *ex-parte* itu.

Berikan nasihat kepada EU Sdn. Bhd. mengenai ketepatan keputusan itu apabila Hakim Mahkamah Tinggi enggan memberikan perintah taksiran itu.

(15 markah)

5. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain

- (a) Philip telah memfailkan writ tindakan terhadap Desmond di Mahkamah Tinggi dengan menuntut suatu jumlah tertentu sebanyak RM1 juta. Sebaik sahaja selepas disampaikan dengan writ itu, Desmond telah menyerahkannya kepada pemandunya dengan arahan tegas untuk menyerahkannya kepada peguam caranya supaya kehadiran boleh dimasukkan. Walau bagaimanapun, pemandunya itu telah tersalah letak writ itu dan gagal memaklumkan Desmond bahawa ia telah hilang. Dalam pada itu, Desmond telah membayar wang berjumlah RM250,000.00 melalui transaksi perbankan dalam talian ke dalam akaun bank Philip. Selepas masa untuk memasukkan kehadiran telah tamat, Philip telah memasukkan penghakiman ingkar terhadap Desmond bagi wang berjumlah RM1 juta. Penghakiman ingkar itu telah diposkan pada 1 Oktober 2024 melalui surat berdaftar Akuan Terima kepada Desmond yang telah diterima oleh Desmond pada 10 Oktober 2024. Pada 1 November 2024, Desmond telah meminta nasihat anda bagaimana untuk mengetepikan penghakiman ingkar itu.

Berikan nasihat kepada Desmond mengenai prosedur bagi mengetepikan penghakiman ingkar itu dan sama ada dia berkemungkinan akan berjaya dalam permohonannya.

(9 markah)

- (b) Seorang Plaintiff telah memulakan suatu tindakan saman pemula terhadap Defendan. Dalam afidavit sokongannya, Plaintiff telah memasukkan fakta dengar cakap dan afidavit itu tidak mengandungi jurat. Selanjutnya, afidavit itu, yang telah diikrarkan di luar Malaysia, adalah dalam bahasa Inggeris tanpa terjemahan dalam bahasa kebangsaan.

Berikan nasihat kepada Defendan jika dia mempunyai alasan untuk membantah kebolehterimaan affidavit itu.

(8 markah)

- (c) Seorang pemaju telah memulakan suatu tindakan melalui saman pemula yang bertujuan untuk mendapatkan perintah milikan terhadap penduduk yang dianggap oleh pemaju itu sebagai setinggaan di atas tanah yang telah dibelinya itu.

Dalam affidavit sokongannya, pemaju gagal untuk menzahirkan bahawa kuil di atas tanah itu telah dibina dengan lesen dan keizinan pemilik terdahulu tanah itu. Presiden jawatankuasa kuil itu juga dinamakan sebagai seorang Defendan dalam saman pemula itu. Selanjutnya, seorang penduduk tanah itu, yang bernama Osman, tidak dinamakan sebagai Defendan dalam prosiding itu tetapi dia tidak mahu dimasukkan dalam perintah milikan itu yang mungkin akan dibuat terhadapnya. Osman mendakwa bahawa dia merupakan penyewa sah di atas harta itu.

Berikan nasihat kepada Presiden jawatankuasa kuil itu dan Osman mengenai prosedur yang patut diguna pakai oleh mereka untuk menentang dan mengalahkannya tuntutan pemaju bagi suatu perintah milikan terhadap mereka.

(8 markah)

6. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain

- (a) Seorang Plaintiff telah memulakan suatu guaman sivil terhadap Defendan yang timbul daripada pertikaian berkenaan dengan suatu kontrak pembinaan. Pliding telah ditutup dan selepas arahan pengurusan kes dipatuhi, pihak-pihak telah menunggu tarikh perbicaraan ditetapkan. Defendan telah, sementara itu, berpandangan bahawa pertikaian itu boleh diselesaikan

melalui penentuan mahkamah bagi suatu klausa dalam kontrak pembinaan itu. Oleh itu, pada pandangannya, suatu perbicaraan penuh dengan saksi-saksi tidak diperlukan.

Berdasarkan fakta di atas, berikan nasihat kepada Defendan mengenai prosedur yang patut diguna pakai untuk menyelesaikan kes itu dengan segera.

(7 markah)

- (b) Pada 3 Mei 2024, Pawan telah memfailkan suatu tindakan writ terhadap Dollah. Surat berdaftar Akuan Terima yang melampirkan writ itu kepada Dollah telah dikembalikan tanpa diserahkan oleh Pejabat Pos. Pawan kemudiannya telah mengambil khidmat seorang penyampai proses untuk mengesan Dollah untuk membolehkan penyampaian ke diri dilaksanakan ke atasnya. Pada 25 Oktober 2024, penyampai proses itu telah memaklumkan Pawan bahawa Dollah telah berpindah dari alamat kediamannya dan alamatnya sekarang tidak diketahui. Mahkamah telah, sementara itu, menetapkan 11 November 2024 sebagai tarikh pengurusan kes dan telah mengarahkan supaya Pawan sepatutnya menyampaikan writ ke atas Dollah secepat mungkin.

Berikan nasihat kepada Pawan mengenai prosedur yang patut diguna pakai olehnya untuk memastikan penyampaian writ yang sah dan efektif kepada Dollah dengan segera.

(10 markah)

- (c) Toh merupakan pemandu lori yang telah berlanggar dengan kereta yang dipandu oleh Kumar. Kumar telah tercedera disebabkan oleh kemalangan itu dan perlu dimasukkan ke hospital. Toh telah meninggal dunia akibat daripada suatu penyakit seminggu selepas kemalangan itu. Pada semua masa yang material, lori Toh telah dilindungi oleh insurans pihak ketiga. Tiada

pemberian probet atau surat kuasa mentadbir telah dikeluarkan berkenaan dengan harta pusaka Toh.

Kumar ingin memfailkan prosiding undang-undang terhadap harta pusaka Toh yang timbul daripada kecederaannya akibat daripada kemalangan itu. Berikan nasihat kepada Kumar mengenai prosedur yang patut diguna pakai olehnya.

(8 markah)

7. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain

- (a) Jack telah memulakan suatu tindakan undang-undang terhadap LP Sdn. Bhd. bagi kecuaiannya. Dalam pernyataan tuntutan, Jack hanya mengatakan bahawa sekitar bulan Februari 2024, dia telah terkena suatu objek di dalam sebuah pusat membeli belah yang diuruskan oleh LP Sdn. Bhd. dan bahawa dia telah mengalami kecederaan belakang. Jack telah memperincikan kecederaannya dan telah menuntut ganti rugi.

Kini LP Sdn. Bhd. datang kepada anda untuk mendapatkan nasihat.

- (i) **Anda telah dimaklumkan bahawa LP Sdn. Bhd. memiliki dua (2) buah pusat membeli belah di negeri yang berbeza. Untuk menyediakan pembelaan, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh LP Sdn. Bhd. di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 untuk menentukan fakta kecuaiannya yang dikatakan itu?**

(6 markah)

- (ii) LP Sdn. Bhd. memaklumkan anda bahawa ia sebelum ini pernah menerima suatu laporan daripada Pusat Membeli Belah Mega bahawa salah satu daripada pelanggannya telah terkena suatu objek yang

merupakan sebahagian daripada perhiasan Pusat Membeli Belah itu. Pelanggan itu ialah Jack. Anda dimaklumkan bahawa perhiasan yang dipamerkan di Pusat Membeli Belah itu telah disumberluarkan kepada Goldstyle Sdn. Bhd. Oleh itu, Jack sepatutnya telah menyaman Goldstyle Sdn. Bhd.

Dengan fakta ini, apakah nasihat anda kepada LP Sdn. Bhd. dengan merujuk prosedur yang tersedia yang diperuntukkan dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012?

(15 markah)

- (b) “Mahkamah akan membenarkan suatu pihak untuk bergantung pada keterangan mengenai fakta yang telah tidak dikemukakan.”

Bincangkan jika pernyataan ini betul dengan merujuk kes-kes yang telah diputuskan.

(4 markah)

oOOo